

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
(PARIT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.03.2015**

**Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [ PARIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah strategik Kerajaan bagi mencari hala tuju baru untuk menjana pendapatan negara, setelah negara menghadapi ketidaktentuan ekonomi akibat kejatuhan harga minyak dan komoditi seperti getah dan kelapa sawit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berikut penurunan ketara harga minyak mentah dunia mulai suku

keempat tahun 2014, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015 daripada USD100 setong kepada USD55 setong. Oleh itu, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka berkurang sebanyak RM13.8 bilion daripada anggaran asal. Sehubungan dengan itu, dengan mengambil kira langkah-langkah *pre-emptive* untuk meningkatkan hasil dan mengoptimumkan perbelanjaan, Kerajaan telah menyemak semula sasaran paras defisit 2015 sebagai peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 3% kepada 3.2%.

2. Untuk Makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peratusan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah keseluruhan hasil Kerajaan telah menurun daripada 41% pada tahun 2009 kepada 30% pada tahun 2014.

Kebergantungan kepada hasil tersebut dijangka terus berkurangan kepada 27% daripada jumlah keseluruhan hasil pada tahun 2015.

3. Bagi mencapai sasaran paras defisit fiskal pada 3.2% KDNK bagi tahun 2015 dan seterusnya bajet berimbang pada tahun 2020, Kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah peningkatan hasil, antaranya ialah:

i. Memperluas asas cukai (*broaden the tax base*) melalui pelaksanaan GST bermula April 2015. Sehingga Februari 2015, jumlah syarikat yang telah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah melebihi 300,000 buah syarikat berbanding sasaran asal sebanyak 240,000 buah syarikat. Pelaksanaan GST secara langsung akan mempelbagaikan hasil pendapatan negara supaya tidak terlalu bergantung kepada sumber hasil daripada petroleum yang bersifat berkurangan (*depleting*);

i. Menambah baik sistem pentadbiran cukai bagi meningkatkan kecekapan pungutan hasil dengan memanfaatkan kemajuan teknologi seperti e-*filing* bagi memudahkan pembayaran;

i. Meningkatkan pematuhan cukai termasuk melalui penguatkuasaan dan pengauditan cukai yang lebih baik;

i. Meningkatkan kutipan dividen daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) pada tahun 2015; dan

i. Memperteguh asas-asas ekonomi makro negara untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan keuntungan sektor swasta, seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan.

4. Di samping itu, harga minyak mentah dunia yang rendah dijangka akan memberikan kesan yang positif kepada ekonomi negara. Penurunan harga tersebut akan mengurangkan kos kepada perniagaan dan pengguna serta mengurangkan tekanan inflasi, seterusnya menggalakkan permintaan domestik melalui perbelanjaan penggunaan persendirian (*private consumption*) yang lebih tinggi.

5. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memastikan kecekapan perbelanjaan Kerajaan bagi mengelakkan pertambahan peruntukan dan ketirisan. Penilaian secara berterusan ke atas keperluan perbelanjaan dengan mengambil kira komitmen baru serta keupayaan jabatan Kerajaan untuk menjayakan projek yang dirancang akan sentiasa diutamakan.

6. Kerajaan kekal komited terhadap langkah konsolidasi fiskal ke

arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Kerajaan akan terus melaksanakan program pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) secara berperingkat bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan kemampanan fiskal jangka panjang negara. Kemampanan fiskal adalah penting bagi mengekalkan daya tahan ekonomi negara, mewujudkan ruang fiskal (*fiscal space*) untuk program pembangunan serta menjamin kesejahteraan rakyat.